A

SOH SOOK HWA

lwn.

MENTERI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
MOHD ZAWAWI SALLEH H
[SEMAKAN KEHAKIMAN NO: R2(R4)25-158-2005]
4 JUN 2010

C ***UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN:*** *Prosiding tatatertib - Prosiding tatatertib terhadap mahasiswi universiti - Sama ada perlu mematuhi kesemua kehendak prosiding dalam mahkamah jenayah - Sama ada pertuduhan terhadap mahasiswi memadai dan tidak memprejudiskan - Sama ada mahasiswi berhak kepada kehadiran*
D *peguamnya dalam prosiding tatatertib - Sama ada mahasiswi diberikan dokumen atau pernyataan saksi-saksi - Sama ada prosiding tatatertib yang adil terjejas - Sama ada responden bersikap berat sebelah - Sama ada Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar tidak dinamakan dalam tindakan - Kaedah-Kaedah Universiti Sains Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar)*
E *1999, kk. 49 dan 66 - Seksyen 15(3) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971*

UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN: *Kebebasan asasi - Hak kepada peguam - Prosiding tatatertib terhadap mahasiswi universiti - Sama ada mahasiswi berhak kepada kehadiran peguamnya dalam*
F *prosiding tatatertib - Sama ada penafian sesuatu hak yang tidak diperuntukkan oleh undang-undang merupakan pelanggaran hak keadilan asasi - Sama ada ketidakhadiran peguamcara semasa prosiding memprejudiskan mahasiswi*

G Pada masa material, pemohon adalah seorang mahasiswi di Universiti Sains Malaysia ('USM'). Keputusan peperiksaan pemohon telah ditahan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik atas alasan penglibatan beliau dalam Pilihanraya Umum yang lalu. Pada 29 Oktober 2004 pemohon telah diminta hadir di hadapan Pihak
H Berkuasa Tatatertib Pelajar. Permohonan pemohon bagi kebenaran untuk diwakili oleh seorang peguam semasa prosiding tatatertib telah ditolak. Prosiding tatatertib telah dijalankan. Tiada saksi dipanggil tetapi pemohon telah ditunjukkan dua keping gambar beliau yang tertera dalam Akhbar Sin Chew Daily dan China Press
I keluaran 15 Mac 2004. Menurut responden, pemohon tidak memajukan apa-apa kenyataan bantahan semasa prosiding tatatertib dijalankan dan pemohon tidak dihalang mengambil nota

semasa perbicaraan. Pemohon telah didapati bersalah di bawah k. 3(b) Kaedah-Kaedah Universiti Sains Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 (P.U.(A) 266/1999) ('KKUSM (TPP) 1999'), iaitu mencabuli apa-apa peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, sama ada di dalam atau di luar kampus yang dibaca bersama dengan s. 15(3) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 ('AUKU 1971'). Pemohon diberi amaran dan didenda sebanyak RM200. Rayuan pemohon kepada BHEPP telah ditolak. Rayuan pemohon kepada responden juga telah ditolak. Pemohon telah kemudiannya membuat permohonan semakan kehakiman ini untuk perintah-perintah berikut: (i) deklarasi bahawa s. 15 AUKU 1971 adalah tidak sah di sisi undang-undang dan patut dibatalkan; (ii) deklarasi bahawa kk. 3 dan 13 (KKUSM (TPP) 1999) adalah tidak sah di sisi undang-undang dan patut dibatalkan; (iii) perintah *certiorari* untuk membatalkan keputusan responden yang menolak rayuan pemohon; (iv) perintah *mandamus* untuk mengarahkan responden supaya membatalkan keputusan tersebut dan menerima rayuan pemohon; dan (v) gantirugi. Pemohon berhujah bahawa: (a) beliau tidak diberi apa-apa pertuduhan atau pertuduhan yang diberikan adalah tidak jelas dan memadai; (b) beliau dinafikan hak untuk diwakili oleh seorang peguam; (c) beliau tidak diberi peluang untuk meneliti apa-apa bahan bukti atau pernyataan saksi-saksi; (d) responden dan Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar USM telah bersikap berat sebelah dan/atau memutus terlebih dahulu ("pre-judging") kes pemohon; (e) responden telah pada 1 Disember 2004, sebelum Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar USM menyampaikan keputusannya dan walaupun satu rayuan masih belum dibuat kepada responden, menyatakan bahawa pemohon telahpun bersalah; (f) seksyen 15 AUKU 1971 dan kk. 3 dan 13 KKUSM (TPP) 1999 adalah tidak sah dan bertentangan dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan, khususnya Bahagian II, iaitu Perkara-Perkara 5, 8 dan 12 dan oleh itu ia tidak sah di sisi undang-undang dan terbatal.

Diputuskan (menolak permohonan pemohon dengan kos):

(1) Walaupun sebahagian besar hujah peguamcara pemohon ditumpukan kepada apa yang didakwa sebagai ketidakpatuhan prosedur dan/atau ketinggalan di Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar USM, namun pihak berkuasa tersebut tidak dijadikan sebagai satu pihak dalam permohonan ini. Pihak yang tidak dinamakan dalam tindakan, adalah tidak terikat dengan keputusan mahkamah.

(2) Prosiding tatatertib pelajar/mahasiswa tidak perlu mematuhi kesemua kehendak prosiding dalam mahkamah jenayah biasa. Prosiding tatatertib adalah berbeza dengan suatu perbicaraan mahkamah jenayah dan/atau mahkamah keadilan biasa.

(3) Pertuduhan yang dihadapkan terhadap pemohon adalah memadai dan tidak memprejudiskan. Sama ada sesuatu pertuduhan itu jelas atau tidak adalah bergantung kepada "substance" dan bukannya "form". Kaedah 49 KKUSM (TPP) 1999 memperuntukkan bahawa "pihak berkuasa tatatertib hendaklah memberitahu pelajar tentang kesalahan tatatertib yang didakwa itu" dan tidak menetapkan prosedur ketat tentang penggubalan pertuduhan. Intipati pertuduhan yang terkandung di dalam surat kepada pemohon telah dinyatakan dalam bahasa yang mudah dan senang difahami.

(4) Kaedah 66 KKUSM (TPP) 1999 tidak memperuntukkan tentang kehadiran peguam dalam prosiding tatatertib pelajar. Penafian sesuatu hak yang tidak diperuntukkan oleh undang-undang tidak merupakan pelanggaran hak keadilan asasi. Tiada keterangan bahawa Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar USM dibantu oleh seorang peguam semasa prosiding dijalankan. Tambahan lagi, pertuduhan yang dikemukakan terhadap pemohon adalah mudah dan bukti yang dikemukakan tidak rumit dan banyak. Peguam pemohon telah menunggu di luar bilik prosiding. Pemohon tidak menyatakan yang beliau tidak dapat berunding dengan peguam tersebut untuk mendapatkan apa-apa nasihat perundangan sebelum prosiding dimulakan. Maka, ketidakhadiran peguamcara semasa prosiding dijalankan tidak memprejudiskan pemohon; *R v. Secretary of State for Home Dept. Ex parte Tarrant* (dirujuk).

(5) Pemohon tidak menyatakan apakah dokumen atau siapakah saksi-saksi di mana pernyataan mereka diminta untuk diberikan kepada beliau. Maka, mahkamah tidak dapat menentukan sama ada dokumen-dokumen atau pernyataan saksi-saksi tersebut wujud dan penafiannya telah menjejaskan suatu prosiding tatatertib yang adil.

(6) Pemohon tidak mencadangkan apa-apa alasan bagi menunjukkan bahawa responden mempunyai sebab atau motif untuk bersikap berat sebelah terhadap beliau. Pemohon telah tidak

melepaskan beban bagi membuktikan sikap berat sebelah di pihak responden seperti yang dikehendaki oleh undang-undang. A

(7) Seksyen 15 AUKU 1971 telah dipinda berkuatkuasa 15 Februari 2010. Sekiranya pun mahkamah ini mengisytiharkan bahawa s. 15 AKU 1971 tidak sah, ia adalah sia-sia kerana s. 15 AUKU 1971 asal yang dicabar sudah tidak wujud lagi. Isu yang dipertikaikan tidak lagi menjadi "living issue" di hadapan mahkamah. B

(8) Prinsip keadilan asasi dan keadilan prosedur telah dipatuhi oleh pihak berkuasa tatatertib. Keputusan pihak berkuasa tatatertib adalah munasabah dan keputusan responden menolak rayuan pemohon adalah teratur di sisi undang-undang. C

Kes-kes yang dirujuk:

Abdul Rahim Aki @ Mohd Haki v. Krubong Industrial Park (Melaka) Sdn Bhd & 5 Ors [1995] 4 CLJ 551 CA ***(dirujuk)*** D

Byrne v. Kinematograph Renters Society Ltd & Ors [1958] 2 All ER 579 ***(dirujuk)***

Diosdado Guzman v. National University GR No. L-68288 11 July 1986 ***(dirujuk)***

Doresamy v. Public Services Commission [1971] 1 LNS 28 HC ***(dirujuk)*** E

G Chandrasikharan Pillai v. G Raman Pillai [1964] Ker LT 317 ***(dirujuk)***

Hj Ali Hj Othman v. Telekom Malaysia Bhd [2003] 3 CLJ 310 CA ***(dirujuk)***

Harbhajan Singh v. Suruhanjaya Pasukan Polis Malaysia & Anor [2002] 4 CLJ 85 CA ***(dirujuk)*** F

Harpers Trading (M) Sdn Bhd v. National Union of Commercial Workers [1991] 2 CLJ 881; [1991] 1 CLJ (Rep) 159 SC ***(dirujuk)***

Krishnan & Anor v. PP [1981] 2 MLJ 121 ***(dirujuk)***

Law Society of Singapore v. Lim Cheong Peng [2006] 4 SLR 360 ***(dirujuk)***

Lembaga Jurutera Malaysia v. Leong Pui Kun [2008] 6 CLJ 93 FC ***(dirujuk)*** G

Lim Eye Thun v. Majlis Peguam Malaysia & Anor [2010] 2 CLJ 45 ***(dirujuk)***

Lim Peng Ee Joyce v. Singapore Medical Council [2005] 3 SLR 709 ***(dirujuk)***

Matthias Chang v. The District Grand Lodge Of The Eastern Archipelago & Ors [2005] 2 CLJ 97 ***(dirujuk)*** H

Michael Lee Fook Wah v. Menteri Sumber Tenaga Manusia, Malaysia & Anor [1998] 1 CLJ 227 CA ***(dirujuk)***

Mohd Nawi Ya'akub v. P/ACP W Ramasamy, Ketua Cawangan Khas IPK Kelantan & Anor [2009] 1 CLJ 475 CA ***(dirujuk)*** I

A *Muhammad Hilman Idham & Ors v. Kerajaan Malaysia & Ors [2010] 8 CLJ 869 HC* ***(dirujuk)***
Othman Ali v. Telekom Malaysia Berhad [2003] 1 LNS 659 HC ***(dirujuk)***
Quah Swee Khoon v. Sime Darby Bhd [2001] 1 CLJ 9 CA ***(dirujuk)***
Perkayuan OKS No 2 Sdn Bhd v. Kelantan State Economic Development Corpn [1995] 1 CLJ 761 FC ***(dirujuk)***
B *Petroliam National Bhd v. Nik Ramli Nik Hassan [2000] 2 CLJ 244 CA* ***(dirujuk)***
R v. Secretary of State for Home Dept Ex parte Tarrant [1984] 1 All ER 799 ***(dirujuk)***
Rajendra Kumar Sharma v. Jiwaji Universiti And Ors [1999] (i) MPLJ 554
C ***(dirujuk)***
Runu Das v. Oriental Insurance Co And Ors [2007] 2 GLR 635 ***(dirujuk)***
Russel v. Duke of Northfolk and Others [1949] (1) All ER 108 ***(dirujuk)***
Selvaraju Ponniah v. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia & Anor [2007] 6 CLJ 245 FC ***(dirujuk)***
T Ganeswaran lwn. Suruhanjaya Polis DiRaja Malaysia & Satu Lagi [2005]
D *3 CLJ 302 CA* ***(dirujuk)***
Tanjong Jaga Sdn Bhd v. Minister of Labour and Manpower & Anor [1987] 2 CLJ 119; [1987] CLJ (Rep) 368 SC ***(dirujuk)***
The Board of Education of the Indian Head School v. Knight [1990] 1 SCR 653 ***(dirujuk)***
E *The Board of High School and Intermediate Education UP v. Bagleshwar Prasad and Ors [1963] (3) SCR 767* ***(dirujuk)***
Thomas Queen v. Barbara Henley [1993] 88 Ed Law Rep 939 ***(dirujuk)***
Wassan v. Townbridge, 382 F 2nd 807, 812 (2nd Cir 1967) ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

F Federal Constitution, art. 10(1)(a)
Rules of the High Court 1980, O. 53 r. 3
Universiti Sains Malaysia (Discipline Of Students) Rules 1999 [P.U.(A) 266/1999], rr. 3, 13, 49, 66
Universities And University Colleges Act 1971, s. 15(5)(a)

G **Other source(s) referred to:**
MP Jain dan SN Jain, *Principles of Administrative Law*, Edisi 4, 1986, halaman 240-241
Professor Charles Alan Wright, *The Constitution On The Campus*, 22 Vand L Rev 1027, 1085-1076

H *Bagi pihak pemohon - M Lavendran; T/n Ngeow & Tan*
Bagi pihak responden - Nizam Zakaria (Maisarah Juhari bersamanya); SFC

Dilaporkan oleh Amutha Suppayah

I

PENGHAKIMAN

Mohd Zawawi Salleh H:

Permohonan

[1] Pemohon mengusulkan ke mahkamah ini suatu permohonan semakan kehakiman di bawah A. 53 k. 3, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ("KKMT 1980") untuk perintah-perintah seperti berikut:

(a) satu deklarasi bahawa s. 15 Akta Universiti dan kolej Universiti 1971 adalah tidak sah di sisi undang-undang dan dengan itu patut dibatalkan;

(b) satu deklarasi bahawa k. 3 dan 13 Kaedah-Kaedah Universiti Sains Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar) 1999 adalah tidak sah di sisi undang-undang dan dengan itu patut dibatalkan;

(c) satu perintah *certiorari* untuk memindah ke mahkamah ini dan membatalkan keputusan responden untuk:

(i) tidak membenarkan rayuan pemohon terhadap keputusan Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar USM yang bertarikh 2 Disember 2004 yang mendapati pemohon bersalah dan dijatuhkan hukuman amaran dan denda sebanyak RM200;

(d) satu perintah *mandamus* yang diarahkan kepada responden supaya responden membatalkan keputusan tersebut dan menerima rayuan pemohon; dan/atau

(e) gantirugi.

Latar Belakang Kes

[2] Bagi memahami isu-isu yang terlibat, latar belakang kes yang membawa kepada permohonan ini perlu dinyatakan dan bolehlah diringkaskan seperti berikut:

(a) Pada masa material, pemohon ialah seorang mahasiswi di Pusat Pengajian Komunikasi, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang ("USM").

(b) Pemohon ialah seorang yang aktif dalam kegiatan-kegiatan ko-kurikulum. Beliau bergiat cergas dalam persatuan-persatuan pelajar di mana pemohon adalah Ketua Biro Penerbitan dan Penerangan Majlis Perwakilan Pelajar USM Sesi Akademik

2002/2003; wakil Pelajar Pusat Pusat Pengajian Komunikasi Sesi Akademik 2002/2003 dan Presiden Persatuan Bahasa Tionghua USM Sesi Akademik 2004/2005.

(c) Pada 1 April 2004, pemohon telah menerima sepucuk surat daripada Jabatan Keselamatan USM yang ingin berjumpa dengan pemohon berhubung dengan gambar pemohon yang tertera dalam Akhbar Sin Chew Daily dan China Press keluaran 15 Mac 2004.

(d) Pada 9 April 2004, pemohon telah mengemukakan penyataan bertulis kepada Jabatan Keselamatan USM.

(e) Pada 3 Mei 2004, pemohon gagal memperolehi keputusan peperiksaan semester ke-2 Sesi Akademik 2003/2004 melalui laman web USM. Pemohon menulis surat kepada Timbalan Naib Canselor Bahagian Akademik tetapi tiada jawapan diberikan. Walau bagaimanapun, pemohon mendapati bahawa keputusan peperiksaan beliau ditahan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik. Tindakan sedemikian ialah satu prosedur yang diambil kepada pelajar yang terlibat dengan kes-kes tatatertib untuk memastikan pelajar-pelajar tersebut hadir ke prosiding tatatertib.

(f) Pada 19 Mei 2004, pemohon menerima sepucuk surat daripada BHEPP dan meminta pemohon hadir di hadapan Jawatankuasa Penyiasatan berhubung dengan penglibatan beliau dalam Pilihanraya Umum yang lalu.

(g) Pemohon hadir di hadapan Jawatankuasa Penyiasatan tersebut. Mengikut pemohon, soalan-soalan yang dikemukakan kepada beliau telahpun dijawab dalam pernyataan bertulis beliau bertarikh 9 April 2004.

(h) Pada 29 Oktober 2004, pemohon menerima sepucuk surat daripada BHEPP meminta beliau hadir di hadapan Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar pada 9 November 2004. Walau bagaimanapun, ia telah ditangguhkan kepada 24 November 2004.

(i) Pada 17 November 2004, pemohon melalui peguamcara beliau, Tetuan Ngeow & Tan telah menulis surat kepada Timbalan Naib Canselor BHEPP untuk mendapatkan penjelasan

mengenai surat bertarikh 29 Oktober 2004 dan untuk mendapatkan kebenaran supaya beliau diwakili oleh seorang peguam semasa prosiding tatatertib dijalankan.

(j) Pada 22 November 2004, Timbalan Naib Canselor BHEPP menolak permintaan pemohon untuk diwakili oleh seorang peguam dalam prosiding pada 24 November 2004.

(k) Prosiding tatatertib telah berjalan pada 24 November 2004, dari jam 2.40-5.10 petang. Tidak ada saksi-saksi dipanggil tetapi Pemohon hanya ditunjukkan dua (2) keping gambar beliau yang tertera dalam Akhbar Sin Chew Daily dan China Press keluaran 15 Mac 2004. Mengikut afidavit Encik Mohd Izwan bin Hamdan (lampiran 26), yang mendeposkan afidavit bagi pihak USM, pemohon tidak pernah memajukan apa-apa kenyataan bantahan semasa prosiding tatatertib dijalankan. Pemohon juga tidak dihalang untuk mengambil nota semasa perbicaraan.

(l) Pada 29 November 2004, BHEPP meminta perayu hadir di hadapan Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar bagi dimaklumkan keputusan prosiding tatatertib.

(m) Mengikut afidavit Encik Mohd Izwan bin Hamdan, pihak berkuasa tatatertib telah berpuas hati mengenai fakta bahawa terdapat pengesahan oleh pemohon sebanyak dua kali berkenaan gambar-gambarnya yang tertera dalam akhbar-akhbar berkenaan. Pemohon telah diberi salinan gambar-gambar tersebut.

(n) Pada 3 Disember 2004, melalui sepucuk surat kepada pemohon, BHEPP memaklumkan bahawa pemohon didapati bersalah di bawah k. 3(b) Kaedah-Kaedah Universiti Sains Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 (P.U.(A) 266) (KKUSM (TPP)1999), iaitu mencabuli apa-apa peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, sama ada di dalam atau di luar kampus yang dibaca bersama dengan s. 15(3) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 ("AUKU 1971"). Pemohon diberi amaran dan didenda sebanyak RM200. Pemohon dimaklumkan bahawa beliau boleh membuat rayuan kepada Naib-Canselor dalam tempoh 30 hari pada 20 Disember 2004.

A (o) Pada 20 Disember 2004, pemohon membuat rayuan kepada BHEPP tetapi rayuan tersebut telah ditolak melalui sepucuk surat bertarikh 26 April 2004. Pada 31 Disember 2004, pemohon telah merayu kepada Menteri Pengajian Tinggi ("responden") tetapi rayuan tersebut telah ditolak melalui
B sepucuk surat bertarikh 26 April 2005.

Alasan Permohonan

[3] Alasan utama permohonan semakan kehakiman pemohon bolehlah dinyatakan seperti berikut:
C

(a) Pemohon tidak diberi suatu perbicaraan yang adil dan menurut prinsip keadilan asasi kerana:

(i) Pemohon tidak diberi apa-apa pertuduhan atau pertuduhan
D yang diberikan adalah tidak jelas dan memadai. Ini telah menjejaskan keupayaan pemohon untuk menjawab dan membela dirinya dengan sempurna semasa prosiding tatatertib;

(ii) Pemohon dinafikan hak untuk diwakili oleh seorang
E peguam;

(iii) Pemohon tidak diberi peluang untuk meneliti apa-apa bahan bukti atau pernyataan saksi-saksi.

F (b) Menteri Pengajian Tinggi ("responden") dan Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar USM telah bersikap berat sebelah dan/atau memutus terlebih dahulu ('pre-judging') kes pemohon dan dengan demikian telah berlaku diskriminasi terhadap pemohon kerana:

G (i) Responden telah pada 1 Disember 2004, sebelum Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar USM menyampaikan keputusannya dan walaupun satu rayuan masih belum dibuat kepada responden, menyatakan bahawa pemohon
H telahpun bersalah;

(ii) Pihak Berkuasa Tatatertib dan/atau responden telah gagal mengambilkira faktor yang relevan dan/atau mengambilkira faktor yang tidak relevan.

I

(c) Seksyen 15 AUKU 1971 dan k. 3 dan 13 KKUSM (TPP) 1999 adalah tidak sah dan bertentangan dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan, khususnya Bahagian II, iaitu Perkara-Perkara 5, 8 dan 12 dan oleh itu ia tidak sah di sisi undang-undang dan terbatal.

Keputusan Mahkamah

[4] Sebelum mahkamah ini membincangkan alasan-alasan yang dibangkitkan oleh pemohon, barangkali suai-manfaat jika beberapa pemerhatian dibuat bagi membolehkan permohonan ini dilihat dalam perspektif yang betul. Pertama, walaupun sebahagian besar hujah peguamcara bijaksana pemohon adalah ditumpukan kepada apa yang didakwa sebagai ketidakpatuhan prosedur dan/atau ketinggalan ('omission') di Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar USM, namun pihak berkuasa tersebut tidak dijadikan sebagai satu pihak dalam permohonan ini. Sekiranya diandaikan bahawa mahkamah ini memutuskan bahawa keputusan responden adalah tidak sah, persoalan yang berbangkit ialah sama ada keputusan Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar USM yang mengenakan hukuman amaran dan denda RM200 terhadap pemohon masih sah kerana ia tidak dijadikan sebagai satu pihak dalam permohonan ini. Pihak yang tidak dinamakan dalam tindakan, adalah tidak terikat dengan keputusan mahkamah. Dalam kes *Selvaraju Ponniah v. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia & Anor* [2007] 6 CLJ 245 (MP), Mahkamah Persekutuan melalui penghakiman Nik Hashim HMP memutuskan:

> It must also be pointed out, that the appellant was making a collateral challenge by filing the writ and statement of claim to declare that his dismissal was null and void because the detention order used against him was not valid. We are of the view that the appellant could not challenge the validity of the detention order through the dismissal action that he brought. Firstly, *the action was not framed as an action to challenge the validity of the detention, there being no prayer for a declaration that the detention order was null and void and the Deputy Minister not being made a party*. (tekanan ditambah)

(lihat juga kes *Abdul Rahim Aki @ Mohd Haki v. Krubong Industrial Park (Melaka) Sdn Bhd & 5 Ors* [1995] 4 CLJ 551 (MR) di keputusan No. 2 halaman 2).

[5] Kedua, hujah-hujah yang dikemukakan oleh peguam bijaksana pemohon memberi gambaran seolah-olah prosiding tatatertib pelajar/mahasiswa hendaklah mematuhi kesemua kehendak prosiding dalam mahkamah jenayah biasa. Ini adalah tidak tepat. Prosiding tatatertib adalah berbeza dengan suatu perbicaraan mahkamah jenayah dan/atau mahkamah keadilan biasa. Ia telah diberi penekanan oleh beberapa keputusan mahkamah di Malaysia dan dibidangkuasa lain sebelum ini. Dalam kes *Harbhajan Singh v. Suruhanjaya Pasukan Polis Malaysia & Anor* [2002] 4 CLJ 85, Mahkamah Rayuan melalui penghakiman Abdul Hamid Mohamed HMR (sebagaimana beliau ketika itu) berkata di halaman 89:

> We would add that, in dealing with tribunals like the Police Commission, we should also guard ourselves from turning them into a court of law trying a criminal case, which they were not, and was never intended to be.

[6] Dalam kes *Hj Ali Hj Othman v. Telekom Malaysia Bhd* [2003] 3 CLJ 310, Gopal Sri Ram HMR (sebagaimana beliau ketika itu) menerimapakai pandangan oleh L Heureux - Duke J dalam kes Mahkamah Agung Kanada, *The Board of Education of the Indian Head School v. Knight* [1990] 1 SCR 653, seperti berikut:

> It must not be forgotten that every administrative body is the master of its own procedure and need not assume the trappings of a court. The object is not to import into administrative proceedings, the rigidity of all the requirements of natural justice that must be observed by a court, but rather to allow administrative bodies to work out a system that is flexible, adopted to their needs and fair.

(Lihat juga kes *Mohd Nawi Ya'akub v. P/ACP W Ramasamy, Ketua Cawangan Khas IPK Kelantan & Anor* [2009] 1 CLJ 475.)

[7] Dalam nada dan irama yang sama, Mahkamah India dalam kes *The Board of High School and Intermediate Education U.P v. Bagleshwar Prasad and Ors* [1963] (3) SCR 767, Gajendragadkar J berkata di halaman 775:

> In dealing with petitions of this type, it is necessary to bear in mind that educational institutions like the Universities or appellant No. 1 set up Enquiry Committees to deal with the problem posed by the adoption of unfair means by candidates, and normally it is within the jurisdiction of such domestic tribunals to decide all relevant questions in the light of the evidence, adduced before

them. In the matter of the adoption of unfair means, direct evidence may sometimes be available, but cases may arise where direct evidence is not available and the question will have to be considered in the light of probabilities and circumstantial evidence. This problem which educational institutions have to face from time to time is a serious problem and unless there is justification to do so, courts should be slow to interfere with the decisions of domestic Tribunals appointed by educational bodies like the Universities. In dealing with the validity of the impugned orders passed by Universities under art. 226, the High Court is not sitting in a appeal over the decision in question; its jurisdiction is limited and though it is true that if the impugned order is not supported by any evidence at all, the High Court would be justified to quash that order. But the conclusion that the impugned order is not supported by any evidence must be reached after considering the question as to whether probabilities and circumstantial evidence do not justify the said conclusion. Enquiries held by domestic Tribunals in such cases must, no doubt, be fair and students against whom charges are framed must be given adequate opportunities to defend themselves, and in holding such enquiries, the Tribunal, must scrupulously follow rules of natural justice; but it would, we think, not be reasonable to import into these enquiries all considerations which govern criminal trials in ordinary courts of law. In the present case, *no animus* is suggested and no *mala fides* have been pleaded. The enquiry has been fair and the respondent has had an opportunity of making his defence. That being so, we think the High Court was not justified in interfering with the order passed against the respondent.

[8] Dalam kes *Runu Das v. Oriental Insurance Co And Ors* [2007] 2 GLR 635; 2008 (1) GLT 966, T. N K Singh J, berkata:

20. The Apex Court in *State Bank of Patiala and Ors. S.K. Sharma (supra)* held that justice means justice between both the parties. The interest of justice equally demand that the guilty should be punished and that technicalities and irregularities which do not occasion failure of justice are not allowed to defeat the ends of justice, principles of natural justice are but the means to achieve the ends of justice.

21. The Apex Court in *Lalit Popli v. Canara Bank and Ors. (supra)* held that the High Court in exercise of its writ jurisdiction under Article 226 in a writ proceeding against the finding of the departmental inquiry does not act as an appellate authority. Paras 16, 17 and 22 in *Lalit Popli v. Canara Bank and Ors. (supra)* reads as follows:

A Para 16. It is fairly well settled that the approach and objective in criminal proceedings and the disciplinary proceedings the preliminary question is whether the employee is guilty of such conduct as would merit action against him, whereas in criminal proceedings the question is whether the offences registered against him are established and if established what sentence should be imposed upon him. The standard of proof, the mode of enquiry and the rules governing the enquiry and trial are conceptually different. See *State of Rajasthan v. B.K. Meena*. In case of disciplinary enquiry the technical rules of evidence have no application. The doctrine of "proof beyond doubt" has no application. Preponderance of probabilities and some material on record are necessary to arrive at the conclusion whether or not the delinquent has committed misconduct.

Para 17. While exercising jurisdiction under Article 226 of the Constitution the High Court does not act as an appellate authority. Its jurisdiction is circumscribed by limits of judicial review to correct errors of law or procedural errors leading to manifest injustice or violation of principles of natural justice. Judicial Review is not akin to adjudication of the case on merits as an appellate authority.

Para 22. Considering the limited scope of judicial review, the Division Bench was right in upholding the order of dismissal by setting aside the learned Singh Judge order by which interference was made with it. We find no reason to differ from the conclusions of the Division Bench. The appeal is without merit and is dismissed accordingly.

22. From the *ratio* laid down in *Lalit Popli v. Canara Back and Ors. (supra)*, it is clear that the standard of proof, and the mode of enquiry and the rules governing the departmental enquiry and criminal proceedings are conceptually different. Preponderance of probabilities and some material on record are necessary to arrive at the conclusion whether or not the delinquent has committed misconduct in the disciplinary enquiry and also that while exercising the jurisdiction under Article 226 of the Constitution the Court does not act as an appellate authority. The Apex court in *Ram Saren v. IG of Police CRPF and Ors. (supra)* held that the scope of judicial review is limited to the deficiency in the decision making process and not the decision. The court should not interfere with the administrator's decision unless it was illogical or suffers from procedural impropriety or was shocking to the conscience of the court, in the sense that it was in defiance of logic or moral standards. The court would not go into the correctness of the choice made by the administrator open to him and the court should not substitute its decision to that of the administrator.

[9] Dalam satu kes Mahkamah Agung Filipina, *Diosdado Guzman v. National University* G.R. No. L-68288 11 July 1986, mahkamah menyatakan:

> But to repeat, the imposition of disciplinary sanctions requires observance of procedural due process. And it bears stressing that due process in disciplinary cases involving students does not entail proceedings and hearings similar to those prescribed for actions and proceedings in courts of justice. The proceedings in student discipline cases may be summary; and cross-examination is not, 'contrary to petitioners' view, an essential part thereof. There are withal minimum standards which must be met to satisfy the demands of procedural due process; and these are, that (1) the students must be informed in writing of the nature and cause of any accusation against them; (2) they shag have the right to answer the charges against them, with the assistance of counsel, if desired; (3) they shall be informed of the evidence against them; (4) they shall have the right to adduce evidence in their own behalf; and (5) the evidence must be duly considered by the investigating committee or official designated by the school authorities to hear and decide the case.

(Lihat juga kes-kes *T. Ganeswaran lwn. Suruhanjaya Polis DiRaja Malaysia & Satu Lagi* [2005] 3 CLJ 302 dan *Michael Lee Fook Wah v. Menteri Sumber Tenaga Manusia, Malaysia & Anor* [1998] 1 CLJ 227; *Harpers Trading (M) Sdn Bhd v. National Union of Commercial Workers* [1991] 2 CLJ 881; [1991] 1 CLJ (Rep) 159, SC; *Quah Swee Khoon v. Sime Darby Bhd* [2001] 1 CLJ 9 (MR); *Petroliam National Bhd v. Nik Ramli Nik Hassan* [2000] 2 CLJ 244 (MR)).

Perbincangan Alasan-Alasan Yang Dibangkitkan Oleh Pemohon

Alasan (a)(i)

[10] Peguamcara bijaksana pemohon berhujah bahawa pertuduhan yang dimaklumkan kepada pemohon tidak mengandungi butir-butir lengkap bagi membolehkan beliau menjawab pertuduhan tersebut. Bagi menyokong hujah tersebut, autoriti dari buku teks, *"Principles of Administrative Law"* oleh MP Jain dan SN Jain (Edisi 4, 1986) di halaman 240-241 dinukilkan seperti berikut:

> A notice must be adequate. A notice in barebones language of the statute, ie which merely repeats the statutory language without giving any facts and other particulars, is insufficient and inadequate. Further, the grounds given in the notice on which the

A action is proposed to be taken should be clear, specific and unambiguous. If these conditions are not satisfied the person cannot be said to have a reasonable opportunity of being heard. Such a notice is no notice.

B (Lihat juga kes-kes *Perkayuan OKS No. 2 Sdn Bhd v. Kelantan State Economic Development Corpn* [1995] 1 CLJ 761; *Lim Peng Ee Joyce v. Singapore Medical Council* [2005] 3 SLR 709; *Othman Ali v. Telekom Malaysia Berhad* [2003] 1 LNS 659; *Lembaga Jurutera Malaysia v. Leong Pui Kun* [2008] 6 CLJ 93; *Law Society of Singapore v. Lim Cheong Peng* [2006] 4 SLR 360)

C **[11]** Bagi memahami alasan ini, adalah perlu surat daripada BHEPP bertarikh 29 Oktober 2004 (eks. "SSH9" – afidavit sokongan) diperturunkan sepenuhnya:

D **Surat Berdaftar Berjawab**

Af. 11.04 (016)
29 Oktober 2004

Saudari Soh Sook Hwa (No. KP: 820818-14-5614)
E 11 Lorong 5B
Taman Intan Baiduri
52100 Kuala Lumpur

Saudari,

F **Hadir Di Hadapan Pihak Berkuasa Tatatertib (Pelajar)**

Dengan hormatnya dimaklumkan, melalui sesi penyiasatan pada 27 Mei 2004, pihak kami mendapati anda telah melanggar peraturan-peraturan universiti seperti berikut:

G (a) Terlibat dalam kempen Pilihanraya Umum Ke 11 (2004) sepertimana yang tersiar dalam akhbar Cina Press dan Sin Chew Daily bertarikh 15 Mac 2004. Kesalahan ini adalah tertakluk di bawah Kaedah 3(b) di bawah kaedah-kaedah Universiti Sains Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 yang memperuntukkan seperti berikut:

H Kaedah 3(b),

3. Seseorang pelajar tidak boleh:

(b) Mencabuli apa-apa peruntukan mana-mana undang-undang
I bertulis sama ada di dalam kampus atau di luar kampus.

Dalam hal ini, anda telah didapati mencabuli Seksyen 15(1) dan (3) di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 yang memperuntukkan seperti berikut:

SEKSYEN 15: PELAJAR ATAU PERTUBUHAN, BADAN ATAU KUMPULAN PELAJAR DILARANG BERSEKUTU DENGAN PERSATUAN-PERSATUAN, DSB. KECUALI SEBAGAIMANA DI PERUNTUKKAN DI BAWAH PERLEMBAGAAN, ATAU DILULUSKAN OLEH NAIB CANSELOR

(1) Tiada siapa jua, semasa menjadi seorang pelajar Universiti, boleh menjadi seorang ahli atau boleh dengan apa-apa cara bersekutu dengan, mana-mana persatuan, parti politik, kesatuan sekerja atau apa-apa juga lain pertubuhan, badan atau kumpulan orang, sama ada atau tidak ianya ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang, sama ada ianya adalah di dalam Universiti atau di luar Universiti, dan sama ada ianya adalah di dalam Malaysia atau di luar Malaysia, kecuali sebagaimana diperuntukkan oleh atau di bawah Perlembagaan, atau kecuali sebagaimana diluluskan terlebih dahulu secara bertulis oleh Naib Canselor.

(3) Tiada sesiapa jua, semasa menjadi seorang pelajar Universiti, boleh menyatakan atau berbuat sesuatu yang boleh ditafsirkan sebagai menyatakan sokongan, simpati atau bangkangan terhadap mana-mana parti politik atau kesatuan sekerja atau sebagai menyatakan sokongan atau simpati dengan mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang haram.

(b) Terlibat dalam aktiviti di luar kampus tanpa kebenaran Universiti. Kesalahan ini adalah tertakluk di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Sains Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 yang memperuntukkan seperti berikut:

Kaedah 13(1);

Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh menganjurkan, menjalankan atau menyertai apa-apa kegiatan di luar kampus yang mendatangkan kesan buruk secara langsung kepada Universiti atau yang memudaratkan kepentingan Universiti.

2. Sehubungan dengan ini, saya diarah oleh Timbalan Naib Canselor [Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar] selaras dengan Kaedah 49, untuk menjemput anda hadir di hadapan Pihak Berkuasa Tatatertib pada tarikh, masa dan di tempat berikut:

A Tarikh: 9 November 2004 [Selasa]

Masa: 2.30 petang

Tempat: Bilik Mesyuarat, Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar

B 3. Notis adalah diberi sekiranya anda tidak hadir di hadapan Pihak Berkuasa Tatatertib pada hari yang dinyatakan di atas tindakan seterusnya di bawah Kaedah 50 di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Sains Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 akan diambil terhadap anda.

C Kaedah 50,

50. Jika seseorang pelajar tidak hadir di hadapan Pihak Berkuasa Tatatertib mengikut Kaedah 49, dia hendaklah dengan serta merta digantung daripada menjadi pelajar
D Universiti dan tidak boleh selepas itu berada di dalam atau memasuki Kampus; penggantungan itu hendaklah berterusan sehingga pelajar menawar untuk hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib dan ada, hakikatnya, hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib pada tarikh dan pada masa yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tatatertib selepas pelajar itu
E menawarkan untuk hadir di hadapan pihak berkuasa tatatertib.

Sekian, kerjasama daripada anda diucapkan terima kasih.

F Yang menjalankan tugas,

t.t

Haryani Hasenan
Penolong Pendaftar
b.p. Timbalan Naib Canselor
G [Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar]

[12] Dengan hormat, mahkamah ini tidak bersetuju dengan hujah tersebut. Melihat kepada rentetan peristiwa tindakan yang diambil terhadap pemohon, pertuduhan yang dihadapkan terhadapnya
H adalah memadai dan tidak memprejudiskan beliau atas alasan-alasan yang berikut:

(a) Surat bertarikh 29 Oktober 2004 bukanlah pertama kali pemohon dimaklumkan tentang kesalahan tatatertib berkenaan yang dilakukan oleh beliau. Pada 1 April 2004, beliau telah
I menerima sepucuk surat daripada Jabatan Keselamatan USM

berkaitan dengan penglibatannya dalam Pilihanraya Umum Malaysia Ke 11, 2004 dan gambar beliau yang tertera dalam Akhbar Sin Chew Daily dan China Press keluaran 15 Mac 2004. Pemohon telah memberi penyataan bertulis bahawa: "[k]esimpulannya, saya mengaku bahawa saya berada di mana calon-calon berkempen atas sebab-sebab yang tersenarai. Namun demikian, saya menafikan bahawa saya terlibat dalam aktiviti politik seperti yang dimaksudkan oleh pihak tuan (eks. "SSH3" – afidavit sokongan).

(b) Pertuduhan (a) dan (b) bukan hanya menyatakan kaedah-kaedah dan seksyen berkaitan di bawah KKUSM (TPP) 1999 seperti yang didakwa tetapi juga menyatakan bentuk kesalahan yang dilakukan. Bagi pertuduhan (a), dinyatakan bahawa pemohon terlibat dalam Kempen Pilihanraya Umum Ke 11 (2004) sepertimana yang tersiar dalam akhbar China Press dan Sin Chew Daily bertarikh 15 Mac 2004. Bagi pertuduhan (b), dinyatakan bahawa pemohon terlibat dalam aktiviti di luar kampus tanpa kebenaran universiti. Kesalahan-kesalahan yang dikatakan dilakukan oleh pemohon diikuti pula dengan rujukan kepada kaedah-kaedah yang berkaitan. Pada pandangan mahkamah, pemohon mengetahui apakah bentuk perbuatan yang dituduhkan terhadap beliau. Persoalan yang perlu dipertimbangkan ialah "whether the letter states the proscribed behavior with sufficient particularity to provide a person of ordinary intelligence with reasonable notice of prohibited conduct and to encourage non-arbitrary enforcement of the provisions of the rules". Dalam keadaan yang wujud dalam kes ini, jawapannya adalah positif.

(c) Surat daripada Tetuan Ngeow & Tan, peguamcara pemohon tidak menyatakan bahawa pertuduhan berkenaan tidak jelas, samar atau mengelirukan tetapi rungutan yang ditimbulkan adalah bahawa pertuduhan yang dikemukakan tidak disertakan dengan bukti. Bahagian surat yang berkaitan ialah seperti berikut:

> Selepas meneliti tuduhan yang dinyatakan dalam surat tersebut, kami mendapati tuduhan kedua tidak disertakan bukti yang berkaitan. Kami menulis surat ini untuk mendapat tahu sama ada bukti yang berkaitan dengan tuduhan (b) adalah sama dengan bukti yang dinyatakan dalam tuduhan (a), kalau tidak, sila tunjukkan bukti yang terikat kepada tuduhan (b) terhadap anak guam kami. (Ekshibit "SSH10" – afidavit sokongan).

A Adalah menjadi undang-undang yang mantap bahawa bukti tidak dikemukakan bersama-sama dengan pertuduhan walaupun bagi pertuduhan kesalahan jenayah biasa. Bukti akan dikemukakan semasa perbicaraan/prosiding dijalankan.

B (d) Persoalan sama ada sesuatu pertuduhan yang dikemukakan telah dinyatakan secara jelas adalah banyak bergantung kepada keadaan yang wujud dalam sesuatu kes. Dalam kes *Russel v. Duke of Northfolk and Others* [1949] (1) All ER 108, mahkamah menyatakan di halaman 118:

C > There are, in my view, no words which are of universal application to every kind of inquiry and every kind of domestic tribunal. The requirements of natural justice must depend on the circumstances of the case, the nature of the inquiry, the rules under which the tribunal is acting, the
D > subject matter that is being dealt with, and so forth. Accordingly, I do not derive much assistance from the definitions of natural justice which have been from time to time used, but, whatever standard is adopted, one essential is that the person concerned should have a reasonable opportunity of presenting his case.

E Dalam kes *Byrne and Anor v. Kinematograph Renters Society Ltd & Ors* [1958] 2 All ER 579, mahkamah menyatakan:

F > What, then, are the requirements of natural justice in a case of this kind? First, I think that the person accused should know the nature of the accusation made; secondly that he should be given an opportunity to state his case, and thirdly, of course, that the tribunal should act in good faith. I do not think that there really is anything more.

G (e) Sama ada sesuatu pertuduhan itu jelas atau tidak adalah bergantung kepada "substance" dan bukannya "form". Dalam kes *Tanjong Jaga Sdn Bhd v. The Minister of Labour and Manpower & Anor* [1987] 2 CLJ 119; [1987] CLJ (Rep) 368, mahkamah menyatakan:

H > … the rules are not inflexible principles and may vary in their content in the circumstances of the case and in their ambit in the context of their application … proceedings must not be looked at as would the proceedings of a court of law. What is more important is not the form but the
I > substance.

(f) Kaedah 49 KKUSM (TPP) 1999 memperuntukkan bahawa "pihak berkuasa tatatertib hendaklah memberitahu pelajar tentang kesalahan tatatertib yang didakwa itu" dan tidak menetapkan prosedur ketat tentang penggubalan pertuduhan yang perlu diikuti. Justeru, terpulanglah kepada pihak berkuasa tatatertib untuk memberitahu tentang kesalahan yang membolehkan pelajar berkenaan membela dirinya.

(g) Intipati pertuduhan yang terkandung di dalam surat itu telah dinyatakan dalam bahasa yang mudah dan senang difahami. Walaupun dalam perbicaraan kes jenayah di mahkamah biasa, "unless the irregularity in charge has misled an accused and occasioned a failure of justice, conviction cannot be set aside. Error or omission in framing the charge is not fatal unless it has caused failure of justice to the accused" (lihat *Krishnan & Anor v. PP* [1981] 1 LNS 88 (MP); *G. Chandrasikharan Pillai v. G. Raman Pillai* [1964] Ker LT 317). Dalam kes ini, tidak ada keterangan yang boleh menunjukkan bahawa pemohon terkeliru dengan pertuduhan yang dikemukakan terhadap beliau dan beliau tidak boleh membela diri sewajarnya.

Alasan (a)(ii)

[13] Peguamcara terpelajar pemohon berhujah bahawa Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar USM tidak melaksanakan budibicaranya secara teratur apabila menafikan permintaan pemohon untuk diwakili dengan kehadiran secara fizikal peguam semasa prosiding dijalankan. Peguamcara bergantung kepada kes *Doresamy v. Public Services Commission* [1971] 1 LNS 28; [1971] 2 MLJ 121 apabila Raja Azlan Shah H (sebagaimana baginda ketika itu) berkata di halaman 127:

> **The considerations requiring assistance of counsel in the ordinary courts are just as persuasive in proceedings before disciplinary tribunals.** This is especially so when a person's reputation and livelihood are in jeopardy. If the ideal of equality before the law is to be meaningful, every aggrieved person must be accorded the fullest opportunity to defend himself at the appellate review stage. (tekanan ditambah)

[14] Jawapan ringkas kepada hujah tersebut ialah k. 66 KKUSM (TPP) 1999 tidak memperuntukkan tentang kehadiran seorang peguam dalam prosiding tatatertib seseorang pelajar. Kaedah 66 memperuntukkan:

orang yang boleh hadir dalam prosiding tatatertib

66. Tiada seorang pun boleh hadir dalam sesuatu prosiding tatatertib kecuali:

(a) anggota pihak berkuasa tatatertib;

(b) pelajar yang terhadapnya prosiding tatatertib diambil;

(c) ibu bapa atau penjaga pelajar;

(d) saksi semasa dia memberi keterangan, atau apabila dikehendaki oleh pihak berkuasa tatatertib; dan

(e) mana-mana orang lain yang dibenarkan hadir oleh pihak berkuasa tatatertib bagi apa-apa sebab yang tertentu.

[15] Penafian sesuatu hak yang tidak diperuntukkan oleh undang-undang tidak merupakan pelanggaran hak keadilan asasi. Tidak ada keterangan yang menunjukkan bahawa Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar USM dibantu oleh seorang peguam semasa prosiding dijalankan. Oleh itu, pemohon tidak menghadapi apa-apa kekurangan berbanding dengan pihak berkuasa tatatertib dari segi khidmat peguam. Dalam kes *Wassan v. Townbridge*, 382 F. 2nd 807, 812 (2nd Cir. 1967), mahkamah menyatakan:

> The requirement of counsel as an ingredient of fairness is a function of all of the other aspects of the hearing. Where the proceeding is non criminal in nature, where the hearing is investigative and not adversarial and the government does not proceed through counsel, where the individual concerned is mature and educated, where his knowledge of the events of March 30th should enable him to develop the facts adequately through available sources, and where the other aspects of the hearing taken as a whole are fair, due process does not require representation by counsel.

[16] Berhubung isu ini, Professor Charles Alan Wright menyatakan dalam sebuah artikel bertajuk *"The Constitution On the Campus"*, 22 Vand. L Rev. 1027, 1085-1076:

> It is worth noting that a leading case holding that counsel need not be allowed qualifies this by saying that this is true so long as 'the government does not proceed through counsel.' If universities provide their own lawyer to assist a tribunal, in those cases at least the student can hardly be denied the right to his own counsel, even if, as I doubt, there is no right to counsel generally in disciplinary proceedings.

[17] Dalam kes ini, pertuduhan yang dikemukakan terhadap pemohon adalah suatu pertuduhan yang mudah dan bukti yang dikemukakan tidak rumit dan banyak, iaitu gambar yang tertera dalam Akhbar Sin Chew Daily dan China Press keluaran 15 Mac 2004. Mengikut pemohon, semasa prosiding tatatertib, peguam beliau, Encik Ah Hean Long, telah hadir tetapi diminta menunggu di luar bilik prosiding tersebut. Pemohon tidak menyatakan yang beliau tidak dapat berunding atau berbincang dengan peguam tersebut untuk mendapatkan apa-apa nasihat perundangan sebelum prosiding dimulakan. Dalam keadaan tersebut, mahkamah ini berpendapat ketidakhadiran peguamcara semasa prosiding dijalankan tidak memprejudiskan pemohon.

[18] Mahkamah ini bersetuju dengan alasan yang dikemukakan oleh kes Amerika Syarikat, *Thomas Queen v. Barbara Henley* [1993] 88 Ed. Law Rep. 939, apabila Posner, CJ berkata:

> Even if student has a constitutional right to consult counsel – an issue not foreclosed by Baxter, as we shall see – we do not think he is entitled to be represented in the sense of having a lawyer who is permitted to examine or cross-examine witnesses, to submit and object to documents, to address the tribunal, and otherwise to perform the traditional function of a trial lawyer. To recognize such a right would force student disciplinary proceedings into the mould of adversary litigation. The university would have to hire its own lawyer to prosecute these cases and no doubt lawyers would also be dragged in – from the law faculty or elsewhere – to serve as judges. The cost and complexity of such proceedings would be increased, to the detriment of discipline as well as of the university's fisc. Concern is frequently voiced about the bureaucratization of education, reflected for example in the high ratio of administrative personnel to faculty at all levels of American education today. We are reluctant to encourage further bureaucratization by judicializing university disciplinary proceedings, mindful also that one dimension of academic freedom is the right of academic institutions to operate free of heavy-handed governmental, including judicial, interference. *Piarowski v. Illinois Community College Dist.* 515, 759 F. 2d 625, 629 (7th Cir. 1985), and cases there.

[19] Dalam menentukan sama ada seseorang peguam boleh dibenarkan untuk mewakili pelajar semasa prosiding tatatertib, panduan boleh diambil dari kes *R v. Secretary of State for Home Dept. Ex parte Tarrant* [1984] 1 All ER 799. Mahkamah telah

menggaris kriteria-kriteria berikut bagi Lembaga Penjara melaksanakan budibicara sama ada representasi oleh peguam boleh dibenarkan atau tidak:

(i) the seriousness of the charge and the potential penalty;

(ii) Whether any points of law are likely to arise;

(iii) The capacity of particular prisoner to present his own case;

(iv) Procedural difficulties;

(v) The need for reasonable speed in making their adjudication;

(vi) The need for fairness as between prisoners and prison officers.

Alasan (a)(iii)

[20] Dalam afidavit sokongan, pemohon dengan jelas menyatakan:

> Dalam proses perbicaraan, Pihak Berkuasa Tatatertib tidak memanggil siapa-siapa saksi atau mengemukakan apa-apa bukti dan hanya melaksanakan perbicaraan berdasarkan dua keping gambar saya yang tertera di dalam akhbar Sin Chew Daily dan China Press keluaran 15.03.2004.

(lihat perenggan 27 afidavit sokongan pemohon).

[21] Dalam keadaan demikian, mahkamah ini tidak nampak bagaimana pemohon boleh mendakwa bahawa beliau tidak diberi peluang untuk meneliti apa-apa dokumen atau pernyataan saksi-saksi. Pemohon sendiri juga tidak menyatakan apakah dokumen atau siapakah saksi-saksi di mana pernyataan mereka diminta untuk diberikan kepada beliau. Isu ini dibangkitkan secara umum dan dalam keadaan demikian, mahkamah ini tidak dapat menentukan sama ada dokumen-dokumen atau pernyataan saksi-saksi tersebut wujud dan penafiannya telah menjejaskan suatu prosiding tatatertib yang adil.

Alasan (b)(i) Dan (ii)

[22] Alasan ini telah dijawab oleh Dato' Sri Dr Hj Shafie bin Haji Mohd Salleh, Menteri Pengajian Tinggi pada masa material iaitu responden di sini (lampiran 25). Responden menyatakan bahawa beliau telah meneliti kesemua dokumen yang diserahkan serta mengambilkira keputusan yang telah dibuat oleh Pihak Berkuasa

Tatatertib USM yang telah bersidang pada 24 November 2004. Selepas beliau menimbangkan bukti-bukti yang ada serta alasan keputusan pihak berkuasa tersebut, beliau telah memutuskan untuk menolak rayuan pemohon dan mengekalkan hukuman yang telah dibuat.

[23] Responden seterusnya menegaskan bahawa pihak responden telah melaksanakan tugas dan tanggungjawab selaras dengan prosedur dan undang-undang yang telah ditetapkan.

[24] Pemohon tidak mencadangkan apa-apa alasan bagi menunjukkan bahawa responden mempunyai sebab atau motif untuk bersikap berat sebelah (bias) terhadap beliau. Adakah terdapat konspirasi atau pakatan antara Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar USM dan responden? Tidak ada keterangan yang boleh dibuat inferen demikian. Oleh itu, pemohon telah tidak melepaskan beban bagi membuktikan sikap berat sebelah (bias) di pihak responden seperti yang dikehendaki oleh undang-undang. Dalam kes *Rajendra Kumar Sharma v. Jiwaji Universiti And Ors* [1999] (i) MPLJ 554, mahkamah menyatakan:

> 21. The charge of *mala fide* or even bias against an authority or person is more easily made than made out or proved. The burden of proving *mala fides* and bias lies very heavily on the person who alleges it and the very seriousness of such allegation demands proof of a higher order of credibility. While making an allegation of bias against a person, what is really sought to be emphasised is that the person concerned against whom bias is alleged really does not hold an opinion but it is the opinion which holds him.
>
> 22. While it may be difficult to obtain information and evidence regarding activities carried on with foul motives inference can however, be drawn from proved facts which should be clear and unambiguous. The allegations of bias or *mala fides* against persons who are not parties to the writ petition cannot be entertained as they cannot have any opportunity to reply to the allegations of the petitioner. The burden of establishing the charge of bad faith is on him who seeks to invalidate or nullify any act or order but *mala fides* or bias are of no consequence. It is necessary that in case the plea is raised, clinching evidence has to be brought to the notice of the Court besides giving opportunity to the person concerned against whom *mala fide* or bias is pleaded to meet such allegations. Where such a person against whom a plea of bias or *mala fide* is raised has not been impleaded as a party co-nominee

A in the petition, such a plea cannot be allowed to be raised. It must be remembered that possibility of suspicion of *mala fides* or bias would not be a sufficient ground to justify an order nullifying an action, on the ground of *mala fides* or bias. There must be real and substantial ground to sustain the suspicion which cannot be taken to be a substitute for proof.

B

23. In this connection, the observation of the Apex Court in its decision in the case of *State of Bihar v. PP.* Sharma, reported in [1992] Supp (1) SCC 222, may be usefully noticed. In the aforesaid case, it was observed, "*Mala fides* means want of good faith, personal bias, grudge, oblique or improper motive or ulterior purpose. The administrative action must be said to be done in good faith, if it is in fact done honestly, whether it is done negligently or not. An act done honestly is deemed to have been done in good faith. The determination of a plea of a *mala fide* involves two questions, namely (i) whether there is personal bias or an oblique motive and (ii) whether the administrative action is contrary to the objects, requirement and condition of a valid exercise of administrative power." The Apex Court laid considerable emphasis on the fact that an action taken must, therefore, be proved to have been made *mala fide* for such consideration. Mere assertion or a vague or bald statement is not sufficient. It must be demonstrated either by admitted or proved facts and circumstances in a given case.

C

D

E

Alasan (b)(iii)

F **[25]** Peguam Kanan Persekutuan bijaksana berhujah bahawa alasan ini telah menjadi akademik kerana pemohon bukan lagi menjadi pelajar USM. Dihujahkan bahawa "there would be no longer any lawful recipient of any benefit for the declaration sought in the originating summons". Tambahan pula, s. 15 AKU 1971 telah dipinda dan pindaan tersebut mula berkuatkuasa pada 15 Februari 2010. Sekiranya mahkamah ini mengisytiharkan bahawa s. 15 AKU 1971 tidak sah dan bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan sekalipun, ia adalah sia-sia dan hampa belaka kerana s. 15 AKU 1971 asal yang dicabar sudah tidak wujud lagi. Bagi menyokong hujah tersebut, rujukan dibuat kepada kes *Lim Eye Thun v. Majlis Peguam Malaysia & Anor* [2010] 2 CLJ 45 apabila Mahkamah Rayuan menyatakan:

G

H

I The issues that were raised and the reliefs that were prayed for by the plaintiff appellant had become academic. **The declarations sought for centered on the issue of the domestic inquiry and the suspension of the employment. These issues are all spent.**

There is a passage from the judgment of Hashim Yeop A Sani CJ (Malaya) in *Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia v. Karpal Singh* [1992] 1 MLJ 147, at page 149, that merits reproduction. There his Lordship had this to say:

> as regards the first preliminary objection it is our view that the matter had indeed, by the time the originating summons came before the learned judge, become academic. There was no living issue before the learned judge. There was no longer any lawful recipient of any benefit of any declaration sought in the originating summons. Cases cited by the learned judge (*Sun Life Assurance Company of Canada v. Jervis* [1944] AC 111, *Loknath Padhan v. Birendra Kumar* AIR [1974] SC 505 and *Mohamed Noor bin Othman & Ors v. Haji Mohamed Ismail bin Haji Ibrahim & Ors* [1988] 3 MLJ 82) constitute ample authorities for the court not to act in vain. The respondent had by then no real interest in the declarations. It will be a complete waste of judicial time if the court were to deal with the merits of the application in the originating summons solely to determine the question of costs. (penekanan ditambah).

(Lihat juga *Matthias Chang v. The District Grand Lodge Of The Eastern Archipelago & Ors* [2005] 2 CLJ 97).

[26] Pada pandangan mahkamah, terdapat kekuatan dalam hujah tersebut. Isu yang dipertikaikan tidak lagi menjadi "living issue" di hadapan mahkamah. Jika dihujahkan bahawa mahkamah perlu memutuskan isu undang-undang yang dikemukakan kepadanya, hujah yang dikemukakan mengenai isu ini adalah tidak bermerit. Mahkamah mendapat faedah daripada keputusan Aziah Ali H yang telah membincangkan secara mendalam peruntukan s. 15(5)(a) AKU 1971 dan Perkara 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan dalam kes *Muhammad Hilman Idham & Ors v. Kerajaan Malaysia & Ors* [2010] 8 CLJ 869. Mahkamah ini bersetuju sepenuhnya dengan keputusan tersebut yang telah menganalisis peruntukan undang-undang dan kes-kes yang berkaitan dengan teliti. Mahkamah ini tidak mempunyai apa-apa alasan dan sebab untuk tidak mengikuti keputusan kes tersebut. Intipati keputusan tersebut ialah seperti berikut:

> [26] Clause (2)(a) of Article 10 enables Parliament to impose by way of legislation such restrictions on the rights conferred by Article 10(1)(a) as it deems necessary or expedient in the interest of, as submitted for the Respondents, public order or morality. I agree with the Senior Federal Counsel that discipline of students

A and conduct of students as a whole is a matter connected with the administration of such institutions. There is no discrimination in the application to such students. The restrictions as contained in s. 15(5)(a) is to address the potentiality for disturbance of the life of the student community in the Universities and University colleges which can amount to disturbance of public order and the tranquility of society (*Kanu Biswas v. the State of West Bengal, supra, Re Application of Tan Boon Liat @ Allen; Tan Boon Liat v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Ors, (supra)*). I agree with counsel for the 3rd respondent that the restriction imposed is necessary or expedient to maintain discipline of students which is part of public morality and which the students must observe. Further the restriction is not absolute as s. 15(4) allows the Vice-Chancellor, on an application, to give exemption to a student subject to such terms and conditions as he thinks fit.

[27] Berdasarkan alasan-alasan di atas, mahkamah memutuskan bahawa:

(a) prinsip keadilan asasi dan keadilan prosedur telah dipatuhi oleh pihak berkuasa tatatertib;

(b) segala proses dan tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa tatatertib telah mematuhi kehendak dan aspirasi AUKU 1971 dan KKUSM (TPP) 1999;

(c) pihak berkuasa tatatertib telah mengambilkira perkara-perkara relevan dan mengenepikan perkara-perkara yang tidak relevan;

(d) AUKU 1971 dan KKUSM (TPP) 1999 adalah sah dan tidak bertentangan dengan prinsip dan/atau peruntukan Perlembagaan Persekutuan;

(e) keputusan pihak berkuasa tatatertib adalah munasabah; dan

(f) keputusan responden menolak rayuan pemohon adalah teratur di sisi undang-undang.

[28] Oleh itu, permohonan pemohon adalah tidak bermerit dan ditolak dengan kos. Keputusan responden dikekalkan.